

12/12/2000

Ugutan punca BN tewas di Lunas: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) tewas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas baru-baru ini kerana ugutan oleh begitu ramai penyokong pembangkang serta penipuan dan fitnah mereka terhadap kerajaan.

Menjawab soalan tambahan Ahli Parlimen Kota Melaka, Kerk Kim Hock di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri berkata, antara cara pembangkang mendapatkan sokongan kaum Cina ialah dengan memainkan bantahan terhadap Sekolah Wawasan.

"Kata mereka kalau ada Sekolah Wawasan maka budak-budak Cina akan pakai kopiah, akan dipaksa pakai kopiah. Ini semua disebar dengan meluas melalui mulut, tetapi amat berkesan sekali.

"Ini menyebabkan orang Cina yang memberi sokongan kuat kepada BN sehingga mengalahkan Lim Kit Siang dan Karpal Singh, tiba-tiba bertukar dan membantah, kononnya tuntutan Suqui," katanya.

Dalam pilihan raya kecil itu, calon BN, S Anthonysamy tewas kepada calon Keadilan, Saifuddin Nasution Ismail dengan majoriti tipis 540 undi.

Dr Mahathir berkata, Suqui turut membantu pembangkang apabila membangkitkan semula tuntutan 83 perkara supaya menghapuskan hak orang Melayu dan Bumiputera.

"Tindakan Suqui adalah ugutan kepada BN. Kalau tidak layan, kami (Suqui) akan suruh orang Cina jangan sokongan BN. Ini dibuat dengan sengaja dan masanya cukup baik.

"Kalau kita kata tolak, kalahlah pilihan raya. Itulah tujuan mereka nak bagi kita kalah," katanya.

Menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP Kepong), Dr Mahathir berkata ramai yang membaca sebahagian saja tuntutan Suqui dan sebab itu mereka tidak mempunyai pendirian seperti pemimpin Pas.

Sambil menangkis tohmahan pembangkang, Dr Mahathir berkata dakwaan beliau memberi syarahan kepada pemimpin Suqui dalam satu pertemuan baru-baru ini adalah fitnah.

"Mereka (Suqui) dijemput dan mereka datang dengan memorandum. Saya meminta mereka mengulas, tetapi mereka sendiri kata semuanya terkandung dalam memorandum dan tidak perlu mengulas lagi.

"Memang benar saya terang masalah perkauman di negara kita dan betapa bahayanya kita bawa perkara ini," katanya sambil meminta mereka supaya memikirkan mengenai kesan tuntutan berkenaan.

Perdana Menteri berkata, selepas mencapai kemerdekaan selama 43 tahun, kerajaan masih cuba mengimbangkan ekonomi antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera, tetapi masih gagal.

"Kalau pun ada Bumiputera yang boleh menjadi kontraktor dan mendapat lesen, mereka dapat kontrak kerajaan semata-mata. Di luar daripada kerajaan mereka tidak mendapat apa-apa kontrak," katanya sambil menambah tanpa hak istimewa, kontraktor terbabit tidak mungkin memperolehi apa-apa kontrak pun.

Sambil memberi contoh bidang pendidikan, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengakui mengutamakan Bumiputera kerana mereka lemah dalam pelajaran dan tidak mempunyai wang.

"Kalau bukan Bumiputera tidak mendapat tempat di universiti tempatan, tidak mendapat biasiswa, mereka masih mampu.

"Sebab itu, walaupun kita memberi 60 peratus tempat kepada Bumiputera dalam universiti tempatan, tetapi jumlah profesional dan mereka yang lulus

universiti di kalangan orang Melayu dan Bumiputera masih rendah," katanya.

Dr Mahathir berkata, mengikut kajian sekiranya tidak ada kuota, hanya 25 peratus saja pelajar Melayu dan Bumiputera layak memasuki universiti.

Menjawab soalan Dr Jamaludin Jarjis (BN-Rompin) Dr Mahathir berkata kerajaan menentang diskriminasi kaum kerana tidak ada agama yang membenarkan diskriminasi antara kaum.

Beliau berkata, pemimpin Pas walaupun tidak bersetuju dengan diskriminasi kaum di negara ini, mereka tidak pula menolak segala nikmat yang datang daripada diskriminasi ini.

Ketika menjawab soalan itu, Dr Mahathir sempat berseloroh apabila melihat Ahli Parlimen Pokok Sena, Mahfuz Omar, yang baru dibebaskan dari Penjara Kajang, memasuki dewan.

"Hero sudah sampai, sandiwara hero, tahniah," katanya sambil melihat Mahfuz yang mengangkat ibu jari dan menunjukkan kepadanya.

(END)